

<b>TARIKH</b>	RABU, 28 SEPTEMBER 2022
<b>AKHBAR</b>	BERITA HARIAN
<b>TAJUK ARTIKEL</b>	KL TAWAR UAE BANGUNKAN PROJEK SEKURITI MAKANAN, BANDAR MALAYSIA
<b>M/S</b>	2
<b>BIDANG</b>	MANAGEMENT
<b>KATA KUNCI</b>	MANAGEMENT

# KL tawar UAE bangun projek sekuriti makanan, Bandar Malaysia

PM turut pelawa Abu Dhabi buat pelaburan timbal balas dalam bidang pertanian

Daripada Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman di Abu Dhabi



Keakraban dan hubungan dua hala sedia ada Malaysia dalam pelbagai bidang dengan Emiriah Arab Bersatu (UAE) dipertingkatkan kepada perkongsian strategik.

Ini membabitkan bidang ekonomi, pelaburan dan perdagangan, tenaga boleh diperbaharui, sekuriti makanan serta minyak dan gas.

Perkara itu dibincangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob ketika menghadap Presiden Sheikh Mohamed Zayed Al Nahyan di Qasr Al Shati, di sini, kelmarin.

Mengenai sekuriti makanan yang menjadi dasar kedua-dua negara, Perdana Menteri menawarkan UAE membuat pelaburan timbal balas dalam bidang pertanian, sesuai dengan perancangan negara itu menjadi hab eksport.

Sebelum ini, Qatar melabur da-



Ismail Sabri pada sidang media bersama wartawan Malaysia ketika lawatan empat hari PM ke Emiriah Arab Bersatu (UAE) semalam. Turut hadir Timbalan Menteri Luar, Datuk Kamarudin Jaffar (kiri) dan Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Datuk Sri Amran Mohamed Zin. (Foto BERNAMA)

pada sidang media bersama media Malaysia, di sini, semalam.

Malaysia juga mempelawa secara rasmi kepada UAE menerokai peluang dalam pembangunan projek Bandar Malaysia yang dikaji semula dengan menyediakan pakej untuk disertai lebih banyak pelabur.

Pakej sedang dirangka oleh Kementerian Kewangan dan Unit Perancangan Ekonomi (EPU) yang pada dasarnya tidak jauh berbeza dengan perancangan awal Bandar Malaysia.

Ismail Sabri turut melawat ibu pejabat Abu Dhabi National Oil Company (ADNOC) dan diberi taklimat mengenai syarikat minyak dan gas UAE itu.

#### Usaha sama bidang petroleum

Katanya, syarikat Malaysia berminat berkolaborasi dengan syarikat UAE dalam bidang petroleum termasuk sektor huluan dan gas asli cecair, tenaga boleh diperbaharui, baja dan karbon dioksida.

"Usaha sama ini penting untuk terus maju dan memastikan bekalan tenaga tersusun dan saksama pada era peralihan tenaga," katanya.

Mengenai perdagangan, nilai dagangan meningkat 90.4 peratus untuk lapan bulan pertama 2022 iaitu RM25.60 bilion melebihi nilai keseluruhan pada 2021, iaitu RM22.29 bilion

Syarikat Malaysia berminat berkolaborasi dengan syarikat UAE dalam bidang petroleum termasuk sektor huluan dan gas asli cecair, tenaga boleh diperbaharui, baja dan karbon dioksida

"Dengan data untuk tempoh lapan bulan ini, nilai dagangan tahun ini dijangka mencatatkan rekod nilai tertinggi," katanya.

Ismail Sabri juga memaklumkan kepada Presiden Sheikh Mohamed, bahawa Kursi Sheikh Zayed Al Nahyan di Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) Malaysia ditubuhkan dengan sumbangan RM30 juta.

Ini bertujuan mempromosi keamanan sejagat untuk penyediaan, persidangan dan dialog antarabangsa.

Mengenai lawatan kerja pertama ke UAE dan suasana pertemuan dengan Sheikh Mohamed di kediamannya, Perdana Menteri berkata, ia berlangsung penuh mesra dan atas semangat kekeluargaan yang memperlihatkan keakraban hubungan Malaysia-UAE.

Beliau juga menyampaikan sembah salam Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

Dua Ketua Negara itu bertemu ketika sesi menghadap pada awal Ogos lalu.

Ismail Sabri turut mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada Sheikh Mohamed atas pelantikan sebagai Presiden UAE yang ketiga dan keanggotaan ahli bukan tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi sesi 2022/23.

Beliau berharap UAE akan berperanan aktif dalam menengahkan isu antarabangsa seperti Palestin dan pelarian Rohingya dari Myanmar.

Selain itu, Presiden UAE menyokong pandangan Malaysia ketika Perhimpunan Agung PBB (UNGA) Ke-77 supaya kuasa veto Majlis Keselamatan dikaji semula.

Presiden UAE juga menghargai sumbangan lebih 6,000 rakyat Malaysia yang bekerja di UAE dan menjemput lebih ramai datang bekerja di negara itu.

DISEDIAKAN  
OLEH

1-NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM  
2-CARLOS LINTON (S19), BPM  
UNIT PERPUSTAKAAN, BPM